

09 MAR 1998

LEAD Mahathir

DR MAHATHIR TIBA DI YANGON BAGI LAWATAN RASMI DUA HARI

Oleh: Syed Jamil Jaafar

YANGON, 9 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini, hari ini, bagi lawatan rasmi dua hari ke Myanmar.

Ketibaan beliau disambut oleh Pengerusi Majlis Keamanan dan Pembangunan Negara (MPKN) Gen Kanan Than Shwe dalam satu upacara penuh istiadat dengan 19 das tembakan.

Kanak-kanak juga membarisi jalan-jalan untuk menyambut Dr Mahathir semasa beliau di bawa ke Rumah Tetamu Negara yang menjadi tempat penginapannya semasa lawatan itu.

Dr Mahathir dan Jen Than Shwe dijangka mengadakan perbincangan pada tengah hari ini.

Kedua-dua pemimpin itu dijangka membincangkan perkembangan terbaru dalam keadaan kewangan dan ekonomi serantau serta bidang-bidang kerjasama baru untuk meningkatkan hubungan dua hala.

Lawatan ke Myanmar itu merupakan yang pertama bagi Perdana Menteri sejak negara itu menyertai Asean, pada Julai lepas.

Asean terdiri daripada Brunei, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

Dalam lawatan itu Dr Mahathir diiringi oleh isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa Dan Industri Datuk Kerk Choo Ting dan pegawai-pegawai kanan kerajaan daripada pelbagai Kementerian dan agensi.

Dr Mahathir berlepas dari Kuala Lumpur pagi ini dan antara yang berada di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah untuk mengucapkan selamat jalan ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim. -- BERNAMA

SJ PR